KERATAN AKHBAR
09 MAC 2015 (ISNIN)

	M/S
BERITA HARIAN	
Tiada berita	-
UTUSAN MALAYSIA	
Tiada berita	-
THE STAR	
Eviction order for temple – **2 m/s**	1-2
Mural for SS2 back lanes – **2 m/s**	3-4
Green-thumb neighbourhoods – **2 m/s**	5-6
AUR are the ultimate champs – **2 m/s**	7-8
NEWS STRAITS TIMES	
UIM to commemorate Sultan's deed	9
THE SUN	
Tiada Berita	-
HARIAN METRO	
Selangor proaktif elak catuan air	10
KOSMO	
Tiada berita	-
SINAR HARIAN	
Tiada masalah isytihar harta	11
'Tidak ada apa nak disembunyikan' – **2 m/s**	12-13
Isytihar harta langkah keterbukaan	14
Ahli Majlis bersedia jika perlu	15
Taman perumahan digalak tubuh Combi	16
Pencemaran sungai disiasat	17
Pelihara tapak ramsar demi warisan akan dating	18
Langkah awal cegah denggi	19
Masjid dinobatkan 20 terbaik	20
Serah nota hasil laporan ops alcohol – **2 m/s**	21-22
Sungai Semenyih tercemar – **2 m/s**	23-24
Pelanggan jadi keutamaan – **3 m/s**	25-27

THE STAR

TARIKH : 09 MAR 2015

m/s: 1

Eviction order for temple

Committee and volunteers given 14 days to vacate premises on govt land

By YASMIN AHMAD KAMIL
yasmin@thestar.com.my

THE committee of the Sri Maha Madurai Veeran temple in Jalan Harapan, Section 19 Petaling Jaya, has been given 14 days effective Feb 23 to vacate the premises for operating illegally.

A notice issued by the Petaling District Land Office to the committee stated that the temple was operating on government land without the approval of the land administrator or the state authority, thus violating Section 425 of the National Land Code 1965.

The temple committee members expressed their surprise over the notice as the temple has been there for the last 26 years.

"We want to have a permanent place to stay," temple volunteer Sujikumar V. Gopalakrishnan said, adding that they were not disturbing the surroundings or the environment.

Temple caretaker Ganesan Sitampalan said people of all races visited the temple throughout the day and that the temple was manned by volunteers and the committee members.

Unexpected: Sujikumar (second from left), Ganesan (third from left) and other temple volunteers showing Tan (left) the notice they received from the Petaling District Land Office.

Volunteers said they had raised the issue with the state's elected representatvives, councillors and the local council more than a year ago but their efforts were fruitless.

"It's a small temple and we need people to support us," Sujikumar said, adding that 14 days was too short a time for them to move out.

The committee hoped to stay on or be offered an alternative site to relocate the temple.

Petaling Jaya Utara Barisan Nasional chairman Tan Gim Tuan said if only matters had been resolved earlier by the representatives in the area prior to the commencement of upgrading work on

09 MAR 2015

m/s 2

Jalan Harapan, the temple would not be in this predicament.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) spokesman Zainun Zakariah confirmed that the temple had no land title.

"The temple is located on Jalan Harapan's land reserve," she said, adding that the project to upgrade Jalan Harapan began in 2010.

Two phases are involved in the upgrading project, with the first phase involving the transformation of the Rothmans roundabout into a traffic-light junction while the second phase involved connecting Jalan Harapan to the Sprint Highway.

Several illegal structures were previously located on the land reserve, including a car garage, a Chinese temple and altars, as well as stalls.

It is learnt that MBPJ personnel had asked the temple authorities and other illegal occupants there to move out a few years ago.

All the illegal occupants had relocated with the exception of the Sri Maha Madurai Veeran temple.

It was added that the Non-Muslim Places of Worship Association (Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam) had not objected to the relocation of the temple as it was an illegal building.

THE STAR

m/s: 3

TARIKH : 09 MAR 2015

Murals for SS2 back lanes

Wall art competition a project to brighten up area's alleys

Star metro 5

Story and photos by VINCENT TAN
vincent.tan@thestar.com.my

EIGHT side-lanes in SS2's commercial centre will be transformed under the "Bestnya Malaysiaku" wall art competition.

It was jointly organised by Damansara Utama assemblyman Yeo Bee Yin's office and Petaling Jaya City Councillor (MBPJ) for SS2 Lee Suet Sen.

The project was initially supposed to have taken off last year but painting was delayed due to the rainy season.

"The competition received 109 initial submissions including rough sketches and this was narrowed down to 20," said artist June Yap, one of a panel of four consultant artists for the project.

This was further reduced to eight after some shopowners decided to pull out.

"We aim to promote art while at the same time, rejuvenate SS2 through this project," said Yeo.

Lee said the selected lanes would also be lit-up with LED lamps as both a safety measure and to allow pedestrians to view the wall art at night.

The side-lanes will be sealed off during weekends so that the artists can work on their projects.

Art student Chua Teck Ming's spray-paint/acrylic pen work is titled "Bestnya Malaysiaku" and will be displayed on the wall opposite Kelsey Lor and Violet Tan's "Stay Under Same Roof".

"I just finished my third year at the Malaysian Institute of Art," said Chua.

Freelance illustrator Ellie Yong, of the team "Kings and Queens", said this was the first time she was doing such a large-scale project.

"I have done murals before but this is quite large, and I am pretty excited about the project," she said, while painting her team's work "Freedom".

SS2 resident David Lim, who was passing by, hoped the project would help promote art.

"Nowadays so many children are glued to their tablets and phones, it would be nice if they could look up for a minute or two to admire some real art once in a while," he said.

09 MAR 2015

m/s 4

Street art: Two women on their morning shopping run stopping to admire the painting of 'Freedom', on the side-lane wall next to the Crab Factory in Jalan SS2/64, by King and Queens.

Promoting art: (From left) Artist Tang Yeok Khang, Yeo, Lee, Yap, together with the duo from Kelseyz X Violet – Violet Tan and Kelsey Lor. The duo had even rented a skylift at one point to properly paint their wall art piece, titled 'Stay Under Same Roof'.

THE STAR

m/s: 5

TARIKH : 09 MAR 2015

Green-thumb neighbourhoods

MBSA to extend community gardening programme to other zones following Section 8's success

Starmetro 6

By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

SHAH Alam mayor Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad marked the first day of March to meet the community since becoming the head of the city.

He visited two residential areas under the Residents' Representation Councils Zone 22 and planned to visit all 24 zones in Shah Alam to foster good ties with residents.

The visits also allowed the residents to talk to the mayor directly about their problems.

As early as 8.30am, Ahmad Zaharin joined residents of Pangsapuri Melati, Taman Bukit Serdang, cleared the flats of potential breeding spots of the Aedes mosquito.

He later toured Denai Alam and was briefed on the security concerns in the area.

Speaking to reporters, he said the crime rate had reduced in Denai Alam but some areas still struggled like in Jalan U16/96 where houses facing the main road had fallen victim to robberies.

During the Chinese New Year break, two houses were broken into.

"The houses are guarded but there's no fencing or wall to separate the houses from the main road. Though the area is well lit, more needs to be done to curb crime," he said, adding that MBSA would look into it.

In Denai Alam, he sat in during a briefing on community gardening by Gombak/Selayang district agriculture officer Abdul Razak Abdul Rahmah, to residents of Jalan Elektron U16/89.

As these residents came up on top in a few categories under the 2014 Mini ZeeBee competition last year, they were chosen to be part of MBSA's latest project to promote community gardening in the city.

In the briefing, residents were taught to make organic compost and on the types of vegetables, fruits and herbs that are easily grown in one's backyard.

They will begin planting their crops on a 0.4ha-land after cultivating them in polybags.

The community gardening project also known as Urban Agriculture Programme began in September last year, with a briefing and course on handling crops for Persatuan Penduduk Lapan Timur, Section 8.

"The idea of the programme was to make Shah Alam a sustainable city and to ensure it is filled with greenery and to provide a platform for the community to get together for a good purpose," said Ahmad Zaharin.

Section 8 residents were allocated 0.92ha of land by Tenaga Nasional Berhad and MBSA planned to extend it to a 5.67ha plantation site.

MBSA provided the crop seeds, fertiliser, installation of water drainage and gardening equipment, while the residents are left in charge of manning the crops.

Each plot is maintained by residents of each residential lane in Section 8 registered with the council.

The council had also set a monthly maintenance schedule to manage the community garden, as a guide for residents to carry out their responsibilities.

The community gardening proved to be a success as residents in Section 8 produced healthy crops.

After more than three months, the garden in Section 8 has 19 types of vegetation such as gourd, eggplant, okra, red spinach, long beans, pumpkin, cucumber, chilli and potatoes.

"We visited the garden last week and harvested about 300kg of crops," he said.

The mayor added that crops harvested would be divided among the residents, and MBSA and that there were no plans to put them up for sale.

He announced that by May, four more locations — sections U5, U8, 31 and 32 — would be selected to start the community gardening programme.

09 MAR 2015

m/s 6

Big harvest: Section 8 residents getting together to harvest the vegetables they had cared for months.

All smiles: Ahmad Zaharin (in blue T-shirt) presenting a wheelie bin to a Denai Alam resident. Looking on are Denai Alam residents association secretary Douglas David (left) MBSA councillor Ng Li Li (second from left) and Social Safety Organisation representative Fauzi Nazam (right).

THE STAR

m/s: 7

TARIKH : 09 MAR 2015

AUR are the ultimate champs

UiTM team proves too good for the rest at inaugural frisbee event

By C.Y. LEE
chenyoong@thestar.com.my

THERE is frisbee, played on a field and typically in a casual and relaxed setting; then there is ultimate frisbee – an exhilarating fast-paced version of the former.

As the dust settled on the sandpit of Morib beach, Team All Ultimate Roar (AUR) emerged champions at the first Kuala Langat District Council (MDKL) Beach Ultimate Frisbee Open in Banting, Selangor.

The champs from Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam are no strangers to the game as they frequently come out tops in local and regional tournaments.

The 5-on-5 tourney was the first in Malaysia to be played on sand and was organised by (MDKL) and part of the council's initiative to raise the profile of the sport along with Morib beach.

While there was participation from just 10 teams in the event, there was no lack of action and showmanship from the teams, even from those with less experience.

Facing AUR in the final were Team Carebears, who performed well in the quarter-finals with a comfortable six-point win (9-3) over Wildcats and 7-4 over Badgers in the semi-finals.

In the final, AUR's well coordinated efforts were converted into a 6-3 victory against Carebears after an intense 40 minutes of play.

It was a close affair during the first 20 minute half but AUR managed to pull ahead in the second half. Carebears team captain Jason Chiew said it was likely due to AUR players being fitter.

The top four teams took home cash prizes of RM1,000, RM700, RM500 and RM200, along with medals and trophies.

Although ultimate frisbee is not yet a popular sport in the country, it has its followers and is gathering momentum among local youths at the school, college and university levels. Picking it up is easy with no more than a disc and field needed to get started.

09 MAR 2015

m/s 8

Well done (From left): MDKL district office representative Mohd Sharif Ahmad, MDKL president Mohd Azhar Mohamed Ali, MDKL district (Zone 15) resident's representative Azaniah Hassan, MDKL Youth and Community director Syamsol Herwan Ahmad with Carebears team captain Jason Chiew.

NEW STRAITS TIMES

m/s: 9

TARIKH : 09 MAR 2015

UIM TO COMMEMORATE SULTAN'S DEED

ADRIAN DAVID Page - 8

ONE of the most benevolent deeds of the late Sultan of Selangor Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah will be remembered when Universiti Islam Malaysia (UIM) celebrates its 60th anniversary soon.

It was his majesty who bequeathed one of his palaces — the Istana Jemaah — in Klang to be converted into the Muslim College of Malaya, offering degree programmes, in 1955.

The college, with its first intake of 55 students, has evolved into a university that serves thousands of students in Asia, providing tertiary education programmes recognised by Al-Azhar University in Egypt.

Come April 8, when UIM celebrates 60 years of providing educational excellence, its president, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, will pay tribute to Sultan Hisamuddin for his noble contribution.

"Following his majesty's involvement, people of all races, including the British High Commissioner in the country, came forward to contribute endowments towards the establishment of this higher-learning institution.

"It is, therefore, only proper and duty-bound for us to publicly proclaim his majesty's great contribution. It is of great significance and a fine example of a ruler."

Yusof says among the highlights of the anniversary celebrations at the campus in Cyberjaya are an exhibition and commemorative lectures.

There will also be tahlil prayers on the eve of the anniversary.

UIM's history began after his majesty consented to hold an audience with a delegation of educationists at his palace to formalise the university's establishment in 1949.

A year later, the scholars' conference organised by Umno in Johor Baru voted unanimously to seek the consent of the Council of Malay Rulers for the establishment of the Muslim College of Malaya.

In 1953, following various public contributions, Sultan Hisamuddin consented to giving his palace in Kampung Jawa, Klang, as the first college campus. It led to the official opening of the campus by the sultan two years later.

In 1961, the Grand Sheikh of Al-Azhar and president of Al-Azhar University visited the college and granted the prestigious university's recognition to the college's programmes.

In 1966, the college moved to a new campus in Jalan Universiti, Petaling Jaya. The old campus became a boarding school and assumed the name Klang Islamic College.

After the college was closed in 1971, the Association of Former Students of Muslim College of Malaya resolved to reopen the institution.

After several high-level meetings involving the government, Yusof was selected as chairman of the Establishment Committee of Kolej Islam Malaya in 2008.

In 2010, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and the Islamic College council members agreed to revive the institution and proposed the name of Islamic University of Malaysia to the Conference of Malay Rulers.

After obtaining the rulers' consent and approval from the Education Ministry in 2013, Universiti Islam Malaysia was established in Cyberjaya one year later.

On July 24 last year, Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, who is also education minister, officiated the university's registration and acceptance ceremony in Putrajaya.

HARIAN METRO

m/s: 10

TARIKH : 09 MAR 2015

Selangor proaktif elak catuan air

Shah Alam: "Kerajaan Selangor sentiasa proaktif serta berusaha mencari jalan penyelesaian yang wajar supaya tiada catuan air berlaku di negeri ini seperti tahun lalu," itu janji Menteri Besar Mohamed Azmin Ali mengenai tindakan kerajaan negeri berdepan dengan keadaan cuaca panas di negeri ini.

Mohamed Azmin berharap agar pencemaran yang berlaku di Sungai Semenyih tidak lagi berulang selain akan memastikan bekalan air sentiasa mencukupi dan tiada gangguan walaupun cuaca panas dijangka berterusan.

"Usaha penguatkuasaan juga ditingkatkan dan kerajaan negeri berkolaborasi dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi menangani isu pencemaran sumber air terutamanya sungai-sungai bagi memastikan bekalan air mencukupi bagi kegunaan pengguna.

"Bagi kawasan berisiko tinggi berlakunya pencemaran terutama Sungai Semenyih, kerajaan negeri mengarahkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) meningkatkan kehadiran pegawai penguat kuasa di kawasan berisiko berlaku pencemaran bagi memantau masalah ini dari terus berlaku," katanya selepas merasmikan Maraton Wanita Malaysia 2015 (MWM), di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, semalam.

Program dianjurkan khas untuk wanita serta diadakan bersempena sambutan Hari Wanita Sedunia yang membabitkan empat kategori utama iaitu lima kilometer (KM), 10KM, 21KM dan 42KM yang disertai 4,000 peserta.

PESERTA acara Maraton Wanita Malaysia 2015 melakukan aktiviti zumba selepas tamat larian.

SINAR HARIAN

m/s: 11

TARIKH : 09 MAR 2015

Tiada masalah isytihar harta

35 Azmin dan pemimpin Kerajaan Selangor bersedia

SINAR HARIAN

m/s: 12

TARIKH : 09 MAR 2015

'Tidak ada apa nak disembunyikan'

Menteri besar, barisan kepimpinan dan ahli majlis di Selangor sedia isytihar harta

JANATUL FIRDAUS YAACOB,

35

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali menegaskan tidak ada harta yang disembunyikan pimpinan tertinggi kerajaan negeri, malah tiada masalah untuknya mahupun Exco, Adun dan juga ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengisytiharkan harta masing-masing.

"Kita tidak ada masalah untuk isytiharkan harta kerana ia sememangnya dasar PR sejak 2008. Tidak ada perkara yang perlu kita sembunyikan," katanya ketika ditemui selepas menyudahkan larian sejauh lima kilometer sempena Malaysia Women Marathon, di Dataran Kemerdekaan, di sini, semalam.

Beliau turut menjelaskan, setiap pimpinan yang memegang jawatan awam akan mengisytiharkan harta masing-masing.

Beliau menjawab gesaan Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) Selangor yang mencabar Menteri Besar, Exco, Adun dan ahli-ahli majlis PBT di negeri ini mengisytiharkan harta masing-masing.

NGO itu mendesak Azmin sebagai seorang Adun dan juga Menteri Besar berani tampil untuk mengisytiharkan harta beliau dan isterinya.

Malah Azmin juga diminta untuk mewajibkan setiap Exco, Adun dan ahli majlis PBT Selangor mengambil tindakan sama.

Sementara itu, Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), June Leaw berpendapat, pengisytiharan harta di kalangan ahli majlis patut dilaksanakan agar rakyat dapat

09 MAR 2015

Azmin (kanan) bersama peserta menamatkan larian sejauh lima kilometer sempena Malaysia Women Marathon, di Dataran Kemerdekaan, semalam.

membuat penilaian latar belakang dan kedudukan seorang pemimpin itu.

Pihaknya menyambut baik cadangan itu dan bersedia jika kerajaan negeri mengarahkan semua ahli majlis membuat pengisytiharan harta.

"Cadangan itu baik bagi membuktikan pemimpin Pakatan Rakyat berkhidmat secara bersih dan jujur.

"Rakyat boleh tengok dan nilai sendiri berapa banyak harta yang dimiliki seseorang pemimpin PR itu," katanya.

Beliau yang juga Ketua PKR Cabang Hulu Selangor berkata, namun begitu, penilaian harta itu perlu mengambil kira sama ada harta tersebut dimiliki seseorang itu sebelum dia bergelar pemimpin atau selepas memegang jawatan.

"Ada di kalangan mereka berasal dari latar belakang keluarga yang sudah kaya dan begitu juga sebaliknya.

"Namun jika harta yang dimiliki itu dalam jumlah yang boleh menimbulkan keraguan (selepas bergelar pemimpin), itu boleh mendatangkan syak dan perlu disiasat," katanya.

Bagi Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, Mohd Maskor Tumiran, langkah pengisytiharan harta itu boleh menimbulkan kesan kepada seseorang.

"Tapi saya nampak langkah itu banyak mendatangkan kesan yang positif bagi membuktikan ketelusan pemimpin. Saya sendiri isytiharkan harta saya bagi membuktikan kepada umum yang saya melaksanakan tugas untuk rakyat. Saya harap yang lain juga bersedai," katanya. 35

SINAR HARIAN

m/s: 14

TARIKH : 09 MAR 2015

Isytihar harta langkah keterbukaan: Irmohizam

SHAH ALAM – "Saya tak ada halangan untuk mana-mana individu (pemimpin) yang nak isytiharkan harta mereka," demikian reaksi Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim.

Menurutnya, itu adalah langkah keterbukaan dalam konteks pemimpin tidak mengira parti yang diwakili.

"Mengenai gesaan SAMM itu, saya lihat mereka inginkan kerajaan negeri memastikan dana negeri dikawal selia mengikut kesesuaian.

"Di peringkat PBT pula mereka harapkan agar dana-dana persekitaran yang diserahkan kerajaan negeri kepada PBT digunakan untuk rakyat sebaiknya," katanya.

Selaku wakil rakyat Barisan Nasional (BN) di Selangor, baginya tiada halangan malah bersedia untuk mengisytiharkan hartanya.

"Langkah itu perlu untuk membuktikan keterbukaan dan integriti pemimpin. Tetapi, mereka yang memegang jawatan Eksekutif iaitu Menteri Besar dan Exco yang harus mengisytiharkan harta memandangkan mereka memegang jawatan atas amanah rakyat," katanya.

Beliau yang juga Jawatankuasa Parlimen Menangani Rasuah berkata, langkah isytihar harta di kalangan ahli majlis PBT tidak perlu dibuat. Beliau juga minta mana-mana pihak tidak mempolitikkan isu berkenaan. 35

SINAR HARIAN

m/s: 15

TARIKH : 09 MAR 2015

Ahli majlis bersedia jika perlu

35

SHAH ALAM - Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedia membuat pengisytiharan harta jika diperlukan kerana itu antara dasar yang dilakukan kerajaan negeri.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samad berkata, perkara itu bukan menjadi satu masalah kerana dasar dibuat bagi memastikan ketelusan sesebuah organisasi.

"Jika ahli majlis pun perlu untuk membuat pengisytiharan harta, memang kita tiada masalah. Tapi, kita tak mahulah perkara ini menjadi isu ataupun sesuatu yang bermusim. Janganlah bila ada pihak yang mendesak, baru mahu buat pengisytiharan harta.

"Untuk menjadi seorang ketua, seseorang itu mesti bersedia membuat pengisytiharan harta kerana dari segi moralnya, pengisytiharan harta itu memang diperlukan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Seorang lagi ahli majlis, Loka Ng Sai Kai, turut menyambut baik cadangan itu.

"Memang perkara baik sebenarnya bagi memastikan setiap harta yang ada tidak diragui. Ia juga bagi memastikan integriti setiap wakil rakyat dapat dibuktikan.

"Jadi jika perkara itu boleh beri kebaikan kepada rakyat, kena ikutlah. Menteri besar pun perlu buat tanpa selindung," katanya.

SINAR HARIAN

m/s: 16

TARIKH : 09 MAR 2015

Taman perumahan digalak tubuh Combi

SIJANGKANG - Setiap taman perumahan di Dun Sijangkang digalak menubuhkan pasukan Combi bagi membanteras masalah denggi.

Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau berharap semua penduduk aktif dengan pasukan Combi yang ditubuhkan bagi menggalakkan informasi terkini mengenai denggi atau pembiakan aedes dapat disalurkan kepada jiran tetangga.

Menurutnya, beliau menyifatkan persatuan penduduk yang sudah menubuhkan pasukan Combi mempunyai semangat untuk terus aktif dan memberi peluang ahli mengamalkan gaya hidup sihat.

"Saya harap penduduk dan pejabat kesihatan bekerjasama dalam mengaktifkan program kemasyarakatan," katanya yang turut merasmikan Pelancaran Combi Dun Sijangkang di Taman Pahlawan, semalam.

Ahmad Yunus memakaikan baju T kepada salah seorang ahli Combi, semalam.

Antara penduduk yang hadir ke majlis pelancaran Combi Taman Pahlawan. 40

SINAR HARIAN

m/s: 17

TARIKH : 09 MAR 2015

Pencemaran sungai disiasat

SHAH ALAM - Punca pencemaran Sungai Semenyih sedang dikenal pasti melalui ujian pensampelan kualiti air sungai itu.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, Kerajaan Selangor melalui Pasukan Petugas Pencemaran Sumber Air diketuai oleh Lembaga Air Urus Selangor (Luas) bersama pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), Konsortium Aliran Bekalan Air Selangor Selatan (Abass), Pejabat Tanah dan Daerah, Hulu Langat dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) sedang jalankan siasatan.

Menurutnya, Unit Forensik Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) juga menyertai ujian pensampelan kualiti air sungai bagi mengenal pasti puncanya.

"Pasukan Petugas Pencemaran Sumber Air masih terus menjalankan siasatan dan pensampelan. Pihak kerajaan negeri amat kesal atas insiden yang berlaku dan tindakan yang keras akan diambil ke atas mana-mana premis yang didapati mencemarkan sumber air Sungai Semenyih," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, Luas telah menerima makluman daripada pihak Abass berkenaan penurunan kadar pH dan peningkatan parameter Mangan dan Ammonia di Sungai Semenyih, 7 Mac lalu.

Berikutan itu, Loji Rawatan Air (LRA) Sg. Semenyih telah mengurangkan kadar pengepaman air mentah daripada 682 juta liter sehari (JLH) kepada 409 JLH, sebelum henti operasi loji.

Susulan itu, baçaan air mentah mencatatkan kadar pH 6.79, Ammonia pada 1.16 ppm dan Mangan pada kadar 0.457 ppm.

SINAR HARIAN

m/s: 18

TARIKH : 09 MAR 2015

Pelihara tapak ramsar demi warisan akan datang

Murid sekolah yang terlibat menjalani projek ramsar bergambar di Taman Alam Kuala Selangor.

KUALA SELANGOR – Pesisiran pantai Kuala Selangor yang unik dengan ekosistem tapak ramsar perlu dipelihara sebaik mungkin demi warisan masa akan datang.

Nasib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Harban Sigh berkata, Kuala Selangor cukup bertuah kerana memiliki taman alam yang menjadi lokasi sementara burung hijrah dengan lima jenis tanah lembap yang berbeza di setiap kawasan.

"Taman alam yang diwujudkan MNS ini mampu memelihara keunikan dan keindahan alam sekitar untuk tempoh jangka panjang selain menjadi tempat 'rehat dan rawat' burung hijrah setiap musim.

"Lokasi unik ini diharapkan dapat terus kekal terpelihara hingga ke masa depan seiring pelbagai program untuk memberi kesedaran terutamanya golongan muda supaya menghargai keindahan alam dan ekosistem sedia ada," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Noraini Roslan berkata, usaha murni MNS dan Taman Alam Kuala Selangor wajar dipuji kerana prihatin memelihara alam semula jadi.

"Memang tak dinafikan, kitaran ekosistem alam semula jadi amat penting untuk dipelihara dan dikekalkan sebagai keseimbangan antara persekitaran dan pembangunan sedia ada.

"Mungkin sejarah buruk tsunami yang pernah melanda negara sebelum ini mungkin boleh dibendung sekiranya ekosistem dijaga dengan pokok paya bakau yang menjadi penampan dan kekuatan di persisiran pantai.

"Kita juga mengucapkan tahniah kepada semua sekolah dan pelajar yang menjalani projek ramsar dengan penerimaan cek RM500 untuk projek 'Sekolah Ramsar' bagi menjalani projek yang bersesuaian yang akan dibentangkan pada Oktober nanti," katanya. 42

SINAR HARIAN

TARIKH : 09 MAR 2015

m/s: 19

Langkah awal cegah denggi

Miswan (kanan) bersama ahli Combi yang turut mengikuti program berkenaan. 43

BUKIT BERUNTUNG - Masyarakat perlu memainkan peranan bersama agensi kerajaan terlibat bagi menangani penyebaran wabak demam denggi secara lebih berkesan.

Pengerusi Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) daerah Hulu Selangor, Miswan Kaslan berkata, peranan masyarakat amat penting bagi bersama-sama membantu dalam mengambil langkah pencegahan awal bagi memastikan setiap lokaliti pembiakan nyamuk aedes dapat dimusnahkan.

"Dalam usaha mengurangkan kadar demam denggi, ia bukan hanya dipikul oleh agensi kerajaan malah masyarakat setempat juga berperanan penting dalam hal ini," katanya selepas Program Cegah Denggi Habis-Habisan anjuran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Apartmen Anggerik bersama Persatuan Penduduk, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan Combi Daerah.

Mengulas mengenai jumlah kes di sini, Miswan memaklumkan, sebanyak lima kes telah dilaporkan berlaku pada minggu lalu dan ia masih berada pada tahap yang tidak memuaskan.

"Program yang dianjurkan ini bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung kesan bahaya disebabkan demam denggi.

"Dan masyarakat harus sedar mereka juga perlu mengutamakan aspek kebersihan selain menjaga kawasan persekitaran bagi menggelakkan ia menjadi lokasi pembiakan nyamuk aedes," katanya.

Menurutnya, langkah pencegahan awal perlu dilaksanakan secara bersama oleh penduduk bagi menggelakkan lebih banyak nyawa terkorban.

SINAR HARIAN

m/s: 20

TARIKH : 09 MAR 2015

Masjid dinobatkan 20 terbaik

Konsep pengurusan yang konsisten faktor kejayaan Masjid Al-Khairiyah Taman Sri Gombak

NORAFIZA JAFAAR

GOMBAK - Pengurusan pentadbiran, pengisian program konsisten dan dana ekonomi yang mantap antara faktor Masjid Al-Khairiyah Taman Sri Gombak di sini dinobatkan antara 20 daripada 514 masjid terbaik seluruh Selangor.

Masjid yang boleh memuatkan 4,000 jemaah itu siap dibina pada 2004 dan dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Tidak bergantung hanya kepada peruntukan tahunan kerajaan, pengurusan masjid bijak dan kreatif mencambah ekonomi untuk digunakan dalam program ilmu dan ceramah serta karnival.

Setiausahanya, Mohd Rohisham Mohd Ikhlak berkata, 80 peratus dana diperoleh dengan usaha sendiri melalui sewaan dewan dan bilik kuliah, kutipan tabung masjid dan sumbangan dermawan.

"Pihak masjid turut lancarkan skim sumbangan tetap serendah RM10 secara bulanan melalui pendaftaran yang dibuat menerusi talian atau berhubung terus dengan pejabat pengurusan.

"Sewaan bilik seminar dan kuliah serta dewan perkahwinan juga banyak membantu menjana pendapatan kira-kira 30 peratus dari jumlah keseluruhan dengan kekerapan sekurang-kurangnya seminggu sekali," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu katanya, program dan aktiviti harian, mingguan dan tahunan di masjid sentiasa padat antara penarik kariah mengimarah masjid.

"Biasanya takwim tahunan ini memang disediakan sebelum memasuki tahun baru melalui mesyuarat jawatankuasa yang bertanggungjawab menyusun program mengikut kesesuaian.

"Kita adakah kuliah setiap hari selepas solat maghrib, mengadakan ceramah perdana bulanan di samping meneruskan program sepanjang hayat dari kelas mengaji, fardu ain dan pengajian formal.

"Kami juga jadikan masjid menjadi tempat ibadah yang selesa dari segi kebersihan, keselamatan dan ketenangan jemaah hingga kita dinilai lima bintang untuk KPI," katanya.

Katanya, pengurusan kewangan penting untuk membolehkan program imarah masjid dilakukan secara konsisten dan berkesan selain pengurusan yang berperanan sebagai tunggak utamanya.



Masjid Al-Khairiyah menjadi tumpuan kerana pengisian programnya yang pelbagai dan padat.

Rohisham menunjukkan anugerah 20 masjid terbaik dalam Selangor yang diterimanya tahun lepas.

SINAR HARIAN

m/s: 21

TARIKH : 09 MAR 2015

Serah nota hasil laporan ops alkohol

JKPD, AADK mahu Paid dan MDSB serius tangani isu penjualan minuman keras di premis perniagaan

SABAK BERNAM – Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD) Sabak Bernam dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sabak Bernam menyerahkan nota hasil laporan pemantauan 'ops alkohol' kepada Pejabat Agama Islam Daerah (Paid) Sabak Bernam dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), di sini.

Pengerusi JKPD Sabak Bernam, Mohd Najib Morsidi berkata, nota laporan yang diserahkan kepada Paid Sabak Bernam dan MDSB itu diharap dipandang serius dua agensi kerajaan terbabit dalam menangani isu penjualan minuman keras di premis perniagaan di sekitar daerah itu.

Menurutnya, hasil pemantauan pihaknya mendapati kebanyakan premis termasuk pasar raya yang menjual minuman beralkohol itu tidak mempamerkan tanda tidak halal pada minuman yang dijual, selain meletakkannya dalam satu ruangan yang sama dengan minuman halal yang lain.

"Kita sudah menjalankan pemeriksaan di beberapa premis sekitar Sungai Besar dan Sabak Bernam dan hasil pemeriksaan itu mendapati kebanyakan premis perniagaan yang menjual minuman keras tidak mengasingkan minuman terbabit," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Najib berkata, minuman tidak halal itu juga didapati dijual secara terbuka dan dikhuatiri boleh mengundang jenayah syariah seperti perlakuan sumbang mahram dan gejala sosial lain yang me-

09 MAR 2015

m/s 22

Mohd Najib (tengah) menyerahkan nota hasil laporan pemantauan ops alkohol kepada wakil MDSB, Sukimin Saiman.

rosakkan akidah.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya menggesa agar Paid Sabak Bernam dan MDSB lebih proaktif meningkatkan kefahaman dan mengambil tindakan tegas dan menyekat penjualan arak sewenang-wenangnya di tempat terbuka.

"Paid Sabak Bernam dan MDSB perlu meningkatkan lagi operasi dalam bidang tugas mereka termasuk mengenakan tindakan denda kepada premis yang didapati dengan sengaja melanggar syarat perlesenan," katanya.

Menurutnya, penjualan minuman keras berleluasa itu turut menyumbang kepada peningkatan penagihan dadah di daerah itu apabila sebanyak 127 bilangan penagih direkodkan tahun lalu berbanding 116 kes pada tahun sebelumnya.

Katanya, kes ketagihan pada tahun ini sehingga awal Mac sahaja sebanyak 246 kes dicatatkan dan bilangan itu, sekali gus menunjukkan peningkatan yang ketara serta membimbangkan jika tidak dicegah dengan lebih serius.

"Antara punca peningkatan kes ini disebabkan penagih turut meneguk minuman keras yang dicampur dengan dadah bagi menambahkan lagi keseronokan," katanya. 41

SINAR HARIAN

m/s: 23

TARIKH : 09 MAR 2015

Sungai Semenyih tercemar

Punca gangguan bekalan air Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang

SHAH ALAM - Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) memaklumkan, gangguan bekalan air tidak berjadual yang dihadapi sebahagian pengguna di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang ekoran penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih oleh Syarikat Konsortium ABASS Sdn Bhd (Abass) pada jam 5 petang, Sabtu lalu disebabkan pencemaran Sungai Semenyih.

Pengurus Besar, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Awam Syabas, Priscilla Alfred berkata, loji sudah beroperasi semula namun, bekalan air terawat hanya mula sampai ke kolam utama sekitar lewat tengah malam.

"Pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat dan mengambil masa yang lama terutamanya bagi kawasan yang tinggi dan di penghujung sistem agihan.

"Syabas jangkakan proses pemulihan ini akan berlanjutan sehingga awal pagi hari ini (Isnin) dan kita akan bekalkan bekalan air alternatif kepada kawasan terlibat," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Pencemaran di Sungai Semenyih turut menjejaskan bekalan air.

Kata Pricilla, pra pengguna boleh mengakses terus maklumat terperinci status pemulihan bekalan air mengikut kawasan masing-masing melalui laman web Syabas iaitu www.syabas.com.my, aplikasi telefon pintar mySYABAS yang boleh dimuat turun menggunakan Google Playstore atau Appstore dan Portal Pengguna Syabas.

"Bagi mengurangkan kesulitan, sebanyak 49 buah lori tangki akan

09 MAR 2015 m/s 24

STATUS EMPANGAN TERKINI

Empangan	Paras air (m)	Takungan (%)	Hujan
Batu	100.95	88.42	0.00
Klang Gates	93.66	86.15	5.00
Langat	219.81	93.44	1.30
Semenyih	110.18	95.06	7.50
Sg Selangor	210.50	75.05	0.00
Sg Tinggi	54.55	69.67	7.00
Tasik Subang	38.33	97.61	0.00

digerakkan oleh pihak Syabas bagi penghantaran bantuan bekalan air kecemasan.

"Di samping itu, bantuan air kecemasan melalui tangki air statik juga akan disediakan jika keadaan memerlukan. Walau bagaimanapun, disebabkan kawasan yang terlibat adalah besar, keutamaan bantuan air kecemasan ini diberikan kepada kegunaan kecemasan seperti kematian dan majlis perkahwinan selain daripada hospital, pusat dailisis dan rumah-rumah kebajikan," katanya.

Dalam pada itu, pengguna di kawasan terjejas yang mengalami kesulitan semasa menghubungi Pusat Panggilan Syabas (Puspel) diminta bersabar dan menunggu sedikit lama sebelum panggilan mereka dijawab.

"Berikutan banyak kawasan yang terlibat, maka Puspel kini sedang berhadapan dengan jumlah panggilan yang amat tinggi.

"Pengguna digalakkan mengakses terus maklumat berkenaan gangguan bekalan air tidak berjadual ini di laman web Syabas, aplikasi telefon pintar my-SYABAS dan Portal Pengguna Syabas selain melayari laman Facebook dan Twitter Syabas bagi mendapatkan info terkini," katanya. 316

SINAR HARIAN

m/s: 25

TARIKH : 09 MAR 2015

Pelanggan jadi keutamaan

Program buka peluang orang ramai kemuka aduan, beri pandangan

SITI AISAH HABIRIN

Roziah menyentuh bola kristal sebagai gimik pelancaran Hari Mesra Pengguna 2015 PKNS, kelmarin. Turut serta, dari kanan: Pengurus Pemasaran PKNS, Mohd Wazir Abdul Ghani, Ishak, Kontroler Pembangunan Wilayah Selatan PKNS, Lokman Abd Kadir dan Eksekutif Jualan Wilayah Selatan PKNS, Asanah Ali.

SHAH ALAM – Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengambil inisiatif menganjurkan Hari Mesra Pelanggan 2015, kelmarin dalam usaha memberi keutamaan kepada pelanggan menjadi nilai bersama yang diterapkan kepada kakitangan.

Setiausaha Kerja PKNS, Roziah Ahmad berkata, program yang diadakan di ruang legar pusat membeli belah SACC Mall itu bertujuan membuka ruang serta peluang kepada pelanggan mengemukakan aduan, pandangan dan kehendak mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan perbadanan itu.

Menurutnya, PKNS Careline memberi kemudahan menyalurkan maklum balas melalui medium antaranya Facebook, Twitter, SMS, e-mel, talian bebas tol dan lain-lain untuk mewujudkan budaya penglibatan pelanggan.

"Hari Mesra pelanggan ini merupakan program dwi tahunan anjuran PKNS yang sentiasa mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan-pelanggan kami.

"PKNS sentiasa memberi penekanan terhadap nilai 'customer centric' atau mengutamakan pelanggan di dalam diri warga kerjanya. Selain itu, ia juga bagi meningkatkan penyertaan warga kerja PKNS dalam aktiviti penambahbaikan di dalam perkhidmatan yang ditawarkan," katanya ketika majlis perasmian program itu,

Kakitangan PKNS sedang mengambil maklum balas pelanggan.

ngkat 4, Bangunan SSAAS, 40000, Shah Alam
59, Faks : 03-5513 5068

09 MAR 2015

m/s 26



Pengurus Pemasaran PKNS, Mohd Wazir Abdul Ghani menerangkan cara penggunaan portal www.pkns-property.com kepada pengunjung yang hadir pada Hari Mesra Pelanggan 2015 di SACC Mall, kelmarin.

Kakitangan PKNS Careline menerangkan sesuatu kepada pengunjung yang ingin mendapat maklumat hartanah.

di SACC Mall, kelmarin.

Bersempena majlis itu turut diadakan pelancaran laman web baru www.pkns-property.com yang lebih komprehensif bagi memudahkan lagi orang ramai mengakses bagi mendapatkan maklumat terkini tawaran hartanah yang ditawarkan.

Roziah berkata, laman web yang bersifat mesra pengguna ini mengandungi senarai projek terkini PKNS dan mereka yang berminat boleh mendaftar maklumat peribadi untuk mendapatkan informasi.

Sementara itu dalam perkembangan lain, Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, maklum balas mengenai sistem bayaran secara atas talian atau e-pay PKNS adalah positif kerana rata-rata pengguna berpuas hati dengan sistem yang mula diperkenalkan Oktober 2013.

"Pengguna terdiri daripada penduduk pangsapuri PKNS amat berpuas hati dengan sistem ini kerana pelanggan tidak perlu lagi bersusah payah untuk ke kaunter di Kompleks PKNS untuk membayar bil penyelenggaraan, bil air dan elektrik," katanya.

Beliau berkata, kemudahan berkenaan disediakan sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat tambahan dan perkhidmatan yang diperkenalkan jauh lebih mudah berbanding yang biasa. 46

Kakitangan PKNS Careline sedia menjawab sebarang pertanyaan mengenai hartanah yang ditawarkan kepada pengunjung Hari Mesra Pelanggan, di SACC Mall.

09 MAR 2015

m/s 27

REAKSI

"Program seumpama ini memang amat dialu-alukan khususnya kepada peminat hartanah untuk mendapatkan maklumat mengenai tawaran dan harga terkini pasaran. PKNS buat di SACC Mall ini pun bagus kerana sambil beli-belah bawa keluarga kita boleh dapatkan maklumat."
- Mohd Faizal Yusof, 34, (Juruteknik)

"Saya mengetahui mengenai program ini melalui surat khabar dan bawa ahli keluarga datang untuk cari maklumat dan menambah koleksi hartanah dan dalam masa sama, kami sedang mencari rumah di kawasan yang selesa dan persekitaran bercirikan Islam." - Wan Mohamad Wan Mustoffa,58, (Pengurus Petronas)



"Saya dan suami memang sedang tercari-cari rumah pertama kami, jadi Hari Mesra Pelanggan PKNS ini memang sesuai untuk kami meninjau harga rumah dan apa yang ditawarkan PKNS. Ada bermacam-macam-macam daripada rumah bernilai lebih RM100,000 hinggalah harga juta." - Norsyazwani Abd Khalid,27 (Lepasan universiti)